

DAP kena perangkap: Mahathir

BH 22 NOV 2000
Oleh Mutazar Abd Ghani, Wan Jailani Abd Razak,
Saidon Idris dan Azli Ayob

LANGKAWI, Selasa – Pilihan raya kecil Lunas menyeralahkan lagi bahawa DAP terjerat dalam pakatannya dengan Keadilan dan Pas kerana terpaksa menyerahkan kerusi itu kepada calon Keadilan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, oleh itu DAP perlu menerima hakikat bahawa dalam pilihan raya umum akan datang bilangan kerusi yang akan ditandingi DAP akan terus berkurangan.

Dr Mahathir berkata, ini kerana kebanyakan daripada kawasan pilihan raya, majoriti pengundi adalah terdiri daripada orang Melayu.

“Di (kawasan) yang mana orang Melayu ramai, mereka (pengundi Melayu) tidak akan mengundi DAP, dengan itu DAP punya kawasan akan berkurangan.

Yang untung daripada ini ialah yang pertamanya Pas yang keduanya ialah Keadilan. Oleh itu, DAP akan terus tinggal di belakang,” katanya ketika ditanya pemberita mengenai calon parti pembangkang bagi pilihan raya kecil Lunas.

Perdana Menteri berkata demikian selepas mempenyerusikan sesi terakhir Dialog Antarabangsa Langkawi 2000 (LID 2000) di sini, hari ini.

Pada pilihan raya kecil Lunas 29 November ini, pakatan pembangkang meletakkan calon Keadilan, Saifudin Nasution bagi menentang calon Barisan Nasional (BN), S Anthonysamy dan calon bebas N Letchumanan.

Pilihan raya kecil itu diadakan berikutan kematian wakil rakyatnya Dr Joe Fernandez daripada BN. Pada pilihan raya umum tahun lalu, Dr Fernandez memenangi kerusi itu dengan memperolehi majoriti 4,700 undi mengalah-

DAP perlu menerima hakikat bahawa dalam pilihan raya umum akan datang bilangan kerusi yang akan ditandingi DAP akan terus berkurangan

kan calon DAP, M Kathiravelo dan calon bebas Ibrahim Md Rashdi serta M Letchumanan.

Perdana Menteri berkata, DAP sebenarnya sudah terjerat oleh Pas dan Keadilan.

Beliau bagaimanapun yakin DAP tidak akan bertindak keluar daripada pakatan itu, walaupun menyedari dirinya terjerat.

“DAP kalau keluar (dari pakatan pembangkang) dia (akan) hapus langsung, dia akan tinggal sorang-sorang,” katanya.

Dr Mahathir berkata, dalam pada itu, pakatan pembangkang itu juga tidak memberikan manfaat kepada Keadilan.

Ini, katanya dapat dilihat dalam pilihan raya umum lalu yang mana parti itu hanya memperolehi dua daripada lebih 50 kerusi yang ditandingi parti pembangkang.

“Keadilan hanya menjadi pemangkin, yang untung sekali ialah Pas,” kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata, kecacikan Pas mengambil kesempatan daripada keadaan dapat dilihat dalam isu Datuk Seri Anwar Ibrahim.

“Pas tahu semua mengenai isu Datuk Seri Anwar Ibrahim, malah mereka tahu sebelum daripada kita, tetapi semasa beliau berada dalam BN, dia (Pas) begitu sekali menghentam Datuk Seri Anwar, tetapi bila dia dapat guna isu itu, tiba-tiba dia menjadi begitu baik dan begitu me-

nyokong sekali,” katanya.

Mengenai peluang BN untuk terus mengekalkan kerusi Lunas, Perdana Menteri berkata, beliau berkeyakinan BN dapat memenangi pilihan raya kecil itu.

Tetapi, katanya, majoriti undi yang diperolehi mungkin berkurangan seperti yang berlaku dalam pilihan raya kecil Teluk Kemang yang lalu kerana Keadilan sudah tentunya akan memainkan isu perkauman.

“Akan terdapat pengurangan dalam majoriti undi seperti di Teluk Kemang kerana biasanya yang bertanding di situ (Lunas) ialah calon keturunan India dengan calon keturunan India dan dengan itu semua pengundi Melayu akan menyokong calon BN,” katanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir mengingatkan pengundi Melayu supaya tidak terpedaya dengan niat jahat Keadilan memecah belahkan orang Melayu.

“Pengundi Melayu terutamanya penyokong Umno perlu ingat di sesetengah kawasan, pengundi India atau Cina berjaya memberi kemenangan kepada UMNO, dengan itu di tempat tertentu penyokong UMNO mestilah memberikan sokongan kepada calon MIC.

“Itu cara kerjasama kita. Di satu tempat kita mendapat sokongan daripada kumpulan minoriti, di tempat yang lain kita memberi sokongan,” katanya.